

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Welcome Centre
Sent: 01 Februari 2016 14:21
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: MERAH SAGA MELAMBANGKAN KEBERANIAN MPP UNISZA



01 FEBRUARI 2016 / 22 RABIULAKHIR 1437H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: H. Rasidah H. Rodzi
Gambar oleh: Anjung Tamu

MERAH SAGA MELAMBANGKAN KEBERANIAN MPP UniSZA



ANJUNG TAMU ONLINE: Sesibuk mana sekalipun dengan jadual harian mengejar impian sebagai graduan namun 22 orang Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) tetap bertekad menjadikan lawatan Discover UUM 2016 sebagai salah satu program berimpak tinggi bagi MPP UniSZA.

Meskipun jauh perjalanan mereka dari Terengganu Darul Iman dengan membawa moto Ilmu Demi Faedah Insan ke UUM tetapi pengalaman yang akan diperolehi tidak mungkin dapat dijual beli. Jalan-jalan cari pengalaman dan pendedahan kata mereka yang disambut di Welcome Centre.

“UUM is the Best”, kata Presiden MPP UniSZA, Aziamy Abdul Aziz.

Tambahnya lagi, “Welcome Centre sangat cantik dengan green concept”.

Sementara itu, mereka yang bersemangat dengan menampilkan warna merah bagi tudung untuk wanita dan tali leher untuk lelaki telah melambangkan keberanian, sikap positif, berdisiplin, aktif dan tegas yang tersemai dalam diri pemimpin muda ini. Malahan mereka fokus mendengar taklimat tentang sejarah penubuhan dan kepimpinan Naib Canselor UUM.

“Teruskan menjaga kelestarian kampus hijau ini”, kata salah seorang daripada mereka yang teruja dengan keindahan pemandangan alam sekeliling ketika berada Bilik Mesyuarat Eksekutif Welcome Centre.

Dalam hal ini, perkongsian idea mengenai kebajikan pelajar semasa lawatan diharapkan dapat mengeratkan kerjasama di antara MPP UUM dan MPP UnisZA agar melipatgandakan perkhidmatan yang lebih baik untuk kebajikan mahasiswa.

Turut hadir bagi meraikan MPP UniSZA di Welcome Centre, YDP MPP UUM, Muhamad Aiman Mohd. Nahzeri.

=====

DARIPADA:
ANJUNG TAMU
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
CANSELORI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)
TEL.: 04-928 3044/3050/3051/3098
FAKS: 04-928 3095
E-MEL: welcome_centre@uum.edu.my

